

CABANG atau CAWANGAN?

DALAM bahasa Melayu terdapat sebilangan perkataan yang membawa maksud yang sama atau mendukung makna hampir sama dengan perkataan yang lain. Lazimnya, perkataan yang sedemikian dirujuk sebagai kata bersinonim.

DEMIKIANLAH juga perkataan cabang dan cawangan yang terdapat dalam bahasa Melayu dianggap sebagai kata yang bersinonim. Adakah hal sedemikian benar?

Apabila diteliti takrif kata cabang dalam *Kamus Dewan* (2005) didapati bahawa kata tersebut ditakrifkan sebagai "cawangan". Demikian juga *Kamus Besar Utusan* (1995) menerangkan cabang sebagai "cawangan". *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu* (2005) turut memberikan makna cabang sebagai "cawangan".

Sementara itu, cawangan pula diberikan makna "bahagian daripada sesuatu yang lebih besar (seperti pertubuhan, dan lain-lain; cabang dalam *Kamus Dewan*. *Kamus Besar Utusan* pula memberikan takrif "cabang, ranting, regis, dan bahagian" bagi perkataan cawangan. *Kamus Komprehensif* memberikan maksud yang sama, seperti makna yang dibekalkan dalam *Kamus Dewan*. Selain cabang dan cawangan, terdapat juga perkataan lain yang mendukung makna yang sama atau hampir sama, termasuklah perkataan bahagian dan unit.

Berdasarkan huraian maksud dalam tiga-tiga buah kamus tersebut, jelaslah bahawa kedua-dua perkataan cabang dan cawangan ialah kata yang bersinonim dalam bahasa Melayu, iaitu yang mendukung maksud yang sama atau hampir sama.

Lazimnya, sesebuah syarikat, pertubuhan atau parti politik induk merujuk bahagian lain yang ditubuhkan atau diasaskan di tempat lain daripada ibu pejabat atau pusat nasional sebagai cawangan. Umpamanya, cawangan Bank Islam, cawangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), cawangan pejabat Majlis Amanah Rakyat (MARA), cawangan Malaysian Indian Congress (MIC) Melaka, dan sebagainya.

Dalam pada itu, satu daripada parti komponen dalam gabungan Pakatan Harapan (PH), iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR) pula mendaftarkan cawangan-cawangan partinya sebagai cabang parti. Sebagai contoh, Parti Keadilan Rakyat Cabang Nibong Tebal dan Parti Keadilan Rakyat Cabang Seremban seperti yang dipaparkan dalam gambar di bawah.

Hal ini menjadi suatu kelainan dalam dunia politik. Jarang-jarang nama parti politik di negara kita menggunakan cabang, dan lazimnya menggunakan perkataan cawangan kepada cawangan

parti daripada menamakan cabang parti sebagai parti cawangannya. Sepanjang sejarah penubuhan parti-parti politik di negara kita, istilah cawangan menjadi kelaziman, melainkan hal dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR). Belum adapun parti politik yang pernah menggunakan kata



cabang bagi anak syarikat atau cawangan parti politiknya.

Barangkali hal ini dianggap kecil bagi kebanyakan orang, namun sebagai pengguna bahasa yang peka terhadap penggunaan kosa kata dalam kalangan pengguna bahasa Melayu, hal ini cukup menarik dari segi leksikologi, iaitu bidang kajian tentang selok-belok perkataan dalam bahasa.

Apabila disemak dalam Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), terdapat banyak ayat yang menggunakan perkataan cawangan berbanding dengan cabang untuk merujuk "bahagian daripada sesuatu yang lebih besar (seperti pertubuhan, dan lain-lain)", iaitu cawangan parti politik. Yang pertama, perhatikan beberapa contoh penggunaan perkataan cawangan di bawah:

1. Ketua Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, akan menyerahkan kepada perwakilan cawangan dan bahagian untuk mencalonkan sesiapa sahaja tokoh yang difikirkan layak bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan parti itu.
2. Katanya, dua cawangan Sen Heng di Pulau Pinang akan turut dinaik taraf bagi memberikan keselesaan kepada pelanggan di samping menawarkan kepelbagaian rangkaian produk pada harga menarik.
3. Dalam pada itu, USNO Kudat paling banyak menubuhkan cawangan apabila berjaya menubuhkan 137 cawangan, diikuti bahagian Kota Belud yang mempunyai 130 cawangan.
4. Siti Hendon bersama-sama sebahagian wakil Perkim Cawangan Wanita Ulu Kelang yang hadir.
5. Pada 9 April lalu, Pak Mat menghadapi dua tuduhan menggunakan kad pengenalan palsu dan cubaan menipu bank untuk mengeluarkan wang RM150 ribu di Public Bank Cawangan Bandar Baru Sungai Buloh Selangor, 17 Februari lalu.
6. Katanya, NAITC kini mengembangkan sayapnya dengan membuka satu lagi cawangan kampus baharu di Seremban.
7. Ini adalah permulaan daripada siri persembahan bulanan yang dianjurkan oleh DBP Cawangan Sabah.

Sepanjang sejarah penubuhan parti-parti politik di negara kita, istilah cawangan menjadi kelaziman, melainkan hal dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Dalam ayat contoh tersebut, maksud cawangan ialah bahagian daripada pertubuhan, parti politik, institusi, syarikat atau organisasi induk atau pusat nasional. Sebagai contoh, cawangan bank, pusat pendidikan dan pertubuhan.

Cuba perhatikan pula contoh penggunaan kata cabang dalam ayat daripada korpus seperti yang berikut:

8. Hadir sama ialah Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM) Johor, Seah Yew Tek serta Pengerusi Cabang Johor Bahru, Chong Ah Ng.
9. Sehingga kini, pelbagai cabang sains telah digabungkan yang pada akhirnya akan menghasilkan suatu pandangan tentang hubungan jiwa manusia dengan kelakuan mereka.
10. Atau apabila pendakwah mengajak manusia kepada agama Allah, iaitu Islam serta bidang atau cabang kebaikan lain.
11. Bebaling dinaikkan ke pucuk pokok balak dengan menggunakan tali yang disangkut pada cabang dahan tertinggi pokok yang berfungsi sebagai sangga.
12. Etika komputer ialah satu cabang baharu bagi etika yang berkembang dan berubah dengan pantas seiring dengan perkembangan dan pembangunan teknologi komputer.
13. Katanya, bilangan bukan bumiputera kini hanya kira-kira tiga peratus daripada jumlah keseluruhan anggota dalam ketiga-tiga

cabang Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

14. Sungai Tamparuli merupakan satu daripada cabang utama yang membekalkan air Sungai Tuaran.

Sumber: Korpus DBP

Dalam dua set contoh di atas, didapati bahawa kedua-dua cabang dan cawangan dalam konteks makna yang agak berbeza. Set pertama (1-7) memaparkan makna "bahagian daripada sesuatu yang lebih besar", iaitu cabang kepada pertubuhan atau organisasi induk. Sementara itu, dalam set kedua (8-14), cabang membawa beberapa pengertian yang lain.

Hal ini menunjukkan kurang kecenderungan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu untuk menggunakan kata cabang untuk pertubuhan atau parti politik. Sebaliknya, terdapat lebih kecenderungan untuk menggunakan kata cawangan untuk pertubuhan dan parti politik seperti dalam beberapa contoh yang diberikan pada bahagian awal. Dalam contoh set kedua, tidak terdapat penggunaan perkataan cabang dengan maksud bahagian dan cawangan, tetapi mendukung pengertian lain.

Meskipun kedua-dua cabang dan cawangan membawa pengertian yang sama, namun cita rasa dan nilai rasa oleh pengguna bahasa adalah pada perkataan cawangan untuk digunakan sebagai bahagian atau bagi parti politik atau organisasi. Perkataan cabang kurang dipertimbangkan, kecuali dalam kes PKR. Dalam hal kata yang bersinonim, terpulanglah kepada pengguna untuk membuat pilihan antara kata bersinonim yang wujud.

Dalam hal cabang dan cawangan, pengguna lebih cenderung memilih cawangan untuk parti politik, institusi kewangan dan organisasi. Barangkali dalam peredaran masa, pengguna bahasa akan mula menggunakan cabang secara tukar ganti perkataan cabang dan cawangan untuk merujuk bahagian atau unit parti politik. Sama-sama kita saksikan perubahan cita rasa pengguna bahasa Melayu mengikut peredaran zaman! **PB**